



Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif

**PENGURUSAN KOLEKSI SONGKET TENUN JOHOR DI
GALERI TENUN YAYASAN WARISAN JOHOR**

Amirul Bin Zainuddin

51191

Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan Dan Kreatif Dengan Kepujian

(WA59 – Pengurusan Seni)

2018

**PENGURUSAN KOLEKSI SONGKET TENUN JOHOR DI GALERI TENUN
YAYASAN WARISAN JOHOR**

AMIRUL BIN ZAINUDDIN

Kajian ini merupakan salah satu keperluan untuk Ijazah Sarjana Muda

Seni Gunaan Dan Kreatif Dengan Kepujian

(Program Pengurusan Seni)

Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

2018

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS/LAPORAN

JUDUL: PENGURUSAN KOLEKSI SONGKET TENUN JOHOR DI GALERI TENUN
YAYASAN WARISAN JOHOR

SESI PENGAJIAN : 2017/2018

Saya : AMIRUL BIN ZAINUDDIN

Mengaku membenarkan tesis/laporan* ini di simpan di Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut :

1. Tesis/Laporan adalah hak milik Universiti Malaysia Sarawak
2. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja
3. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat pendigitalan untuk membangunkan Pangkalan Data Kandungan Tempatan
4. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat salinan tesis/laporan ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi
5. *sila tandakan (/)

SULIT


(mengandungi maklumat yang berdjajah keselamatan atau kepentingan termaktub di dalam **AKTA RAHSIA RASMI 1972**)

TERHAD


(mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD

Disahkan



Tandatangan Penulis
Tarikh : 30 MEI 2018



TandatanganPenyelia
Tarikh : 30 MEI 2018

Alamat tetap : 2199 BLOK 16,
FELDA LOK HENG TIMUR,
81900 KOTA TINGGI,
JOHOR.

Catatan: *Tesis/Laporan dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah, Sarjana dan Sarjana Muda

*Jika Tesis/Laporan ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis/laporan ini perlu sebagai SULIT atau TERHAD

PENGAKUAN

Projek bertajuk '**Pengurusan koleksi songket tenun Johor di Galeri Tenun Yayasan Warisan Johor**' telah disediakan oleh **Amirul Bin Zainuddin** dan telah diserahkan kepada Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif sebagai memenuhi isyarat untuk Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian (**Pengurusan Seni**).

Diterima untuk diperiksa oleh:

(Professor Madya Dr. Anna Durin)

Tarikh : _____

PENGHARGAAN

Assalamualaikum W.B.T, terlebih dahulu pengkaji mengucapkan syukur serta penghargaan terhadap hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurniaNya serta dengan izainNya, pengkaji dapat menyiapkan penyelidikan ini dengan baik. Buat pertama kalinya, pengkaji ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada penyelia pengkaji iaitu Proffesor Madya Dr Anna Durin kerana telah banyak memberi tunjuk ajar serta nasihat yang sangat memberansangkan kepada pengkaji semasa menjalankan penyelidikan tersebut. Jasa beliau kepada pengkaji, tidak akan dilupakan malah akan menerapkan segala nilai murni serta tujuk ajar beliau di dalam kehidupan pengkaji.

Selain itu, pengkaji juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada keluarga pengkaji yang banyak membantu pengkaji dari segi kewangan dan juga nasihat serta iringan doa di dalam sepanjang tempoh pengkaji menjalankan penyelidikan. Tidak lupa juga ucapan terima kasih kepada rakan-rakan serta pihak yang terlibat di dalam menjayakan penyelidikan ini.

Pengkaji juga ingin mendedikasikan penghargaan serta ucapan terima kasih kepada pihak pengurusan Galeri Tenun Yayasan Warisan Johor iaitu Puan Roslinda Binti Mohd Ali kerana membenarkan serta membantu pengkaji untuk menjalankan penyelidikan ini dengan jayanya. Segala ilmu pengatahuan serta bantuan yang diberikan oleh beliau, pengkaji telah ungkapkan di dalam penyeldikan ini dengan baik.

Sebelum menutup bicara, pengkaji ingin mengucapkan sekalung penghargaan serta ucapan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung.

Sekian, terima kasih.

Abstrak

Songket tenunan Johor merupakan satu warisan seni tradisional di negeri Johor. Penyelidikan ini adalah mengenai kaedah pengurusan koleksi songket tenun Johor yang dijalankan di Galeri Tenun Yayasan Warisan Johor. Di dalam menjalankan penyeldikan ini, pengkaji telah menggunakan kaedah kualitatif untuk mendapatkan sumber maklumat mengenai pengurusan koleksi songket tenun Johor iaitu dengan melakukan sesi temu bual dengan pihak pengurusan galeri tenun Johor dan pengkaji juga turut membuat pemerhatian ketika berada di lokasi penyelidikan. Namun begitu, tujuan penyelidikan ini dijalankan adalah untuk mengetengahkan seni warisan songket tenunan Johor atau yang dikenali sebagai “Kain Benang Johor” kepada masyarakat tempatan dan juga di luar negara. Justeru itu, penyelidikan ini adalah sangat penting kepada pengkaji dan juga masyarakat Malaysia untuk menjaga warisan tersebut dengan sebaik mungkin agar ia dapat diwarisi oleh generasi seterusnya secara turun temurun.

ISI KANDUNGAN

Muka Surat

| | |
|---|----|
| Abstrak | i |
| Bab Satu | |
| 1.1 Pengenalan..... | 1 |
| 1.2 Latar Belakang Kajian..... | 2 |
| 1.3 Penyataan Masalah..... | 7 |
| 1.4 Objektif Kajian..... | 9 |
| 1.5 Kepentingan Kajian..... | 10 |
| 1.6 Soalan Kajian..... | 11 |
| 1.7 Skop Kajian... .. | 11 |
| 1.8 Kerangka Kerja..... | 12 |
| 1.8.1 Pengurusan..... | 12 |
| 1.8.2 Sumber Manusia.. .. | 15 |
| 1.8.3 Pemimpin..... | 19 |
| 1.8.3 Promosi/Pemasaran (mengkomersialkan)..... | 22 |

Bab Dua

| | | |
|-------|--|----|
| 2.0 | Sorotan Kesusteraan..... | 24 |
| 2.1 | Pengenalan..... | 24 |
| 2.2 | Songket..... | 24 |
| 2.3 | Songket Melayu di Malaysia..... | 25 |
| 2.3.1 | Motif yang digunakan..... | 30 |
| 2.3.2 | Teknik, alatan serta bahan yang digunakan..... | 32 |
| 2.3.3 | Lokasi penghasilan tenunan..... | 33 |
| 2.4 | Songket Melayu di Indonesia..... | 34 |
| 2.4.1 | Motif yang digunakan..... | 36 |
| 2.4.2 | Teknik, alatan serta bahan yang digunakan..... | 45 |
| 2.5 | Songket Melayu di India..... | 50 |
| 2.5.1 | Motif yang digunakan..... | 50 |
| 2.5.2 | Teknik, alatan serta bahan yang digunakan..... | 50 |
| 2.6 | Rumusan..... | 51 |

Bab Tiga

| | | |
|-----|----------------------------|----|
| 3.0 | Methodologi Kajian..... | 52 |
| 3.1 | Pengenalan..... | 52 |
| 3.2 | Kaedah Keperpustakaan..... | 53 |
| 3.3 | Kaedah Pemerhatian..... | 53 |
| 3.4 | Kaedah Temu Bual..... | 54 |
| 3.5 | Kaedah dokumentasi..... | 55 |
| 3.6 | Kaedah Analisis..... | 55 |
| 3.7 | Informan... .. | 56 |
| 3.8 | Lokasi Kajian..... | 60 |
| 3.9 | Rumusan..... | 61 |

Bab Empat

| | |
|--|----|
| 4.0 Analisa Dapatan Kajian..... | 62 |
| 4.1 Pengenalan..... | 62 |
| 4.2 Kaedah pengurusan koleksi songket Johor..... | 63 |
| 4.2.1 Carta organisasi galeri tenun Johor..... | 65 |
| 4.2.2 Kaedah yang digunakan..... | 66 |
| 4.2.3 Mendokumentasikan songket Johor..... | 68 |
| 4.2.4 Kaedah songket Johor dikomersialkan..... | 69 |
| 4.2.5 Bahan yang digunakan..... | 75 |
| 4.2.6 Proses mewarnakan benang | 81 |
| 4.2.7 Proses mencelup benang | 82 |
| 4.2.8 Teknik yang digunakan..... | 83 |
| 4.2.9 Proses menenun..... | 86 |
| 4.2.10 Tempoh pengurusan masa bagi pembuatan..... | 87 |
| 4.2.11 Perbezaan songket di antara negeri dan luar negeri..... | 89 |
| 4.2.12 Tenaga pengajar (sumber manusia)..... | 91 |
| 4.2.13 Strategi yang digunakan | 93 |
| 4.2.14 Kaum serta jantina yang terlibat..... | 97 |

| | | |
|-----|---|-----|
| 4.3 | Meneliti jenis koleksi songket di galeri tenun Johor..... | 100 |
| 4.4 | Antara cabaran yang dihadapi oleh pihak galeri tenun Johor..... | 108 |
| 4.5 | kesimpulan..... | 111 |

Bab Lima

| | | |
|-----|------------------------------|-----|
| 5.0 | Kesimpulan dan Cadangan..... | 112 |
| 5.1 | Pengenalan..... | 112 |
| 5.2 | Kesimpulan..... | 113 |
| 5.3 | Cadangan..... | 115 |
| 5.4 | Penutup..... | 120 |

Rujukan

Lampirn

BAB SATU

1.1 Pengenalan

Penyelidikan ini adalah mengenai pengurusan koleksi songket Tenun Johor di Galeri Tenun Yayasan Warisan Johor. Dalam menjalankan penyelidikan ini, perkara yang ingin diselidik oleh pengkaji adalah mengenal pasti kaedah pengurusan koleksi tenunan songket yang dijalankan di Yayasan tersebut yang merangkumi dari segi pemuliharaan, pemeliharaan serta strategi pemasaran yang dilaksanakan. Selain itu, pengkaji ingin meneliti jenis-jenis koleksi songket yang terdapat di Galeri Tenun tersebut agar dapat melihat dari segi penggunaan bahan mentah, material dan reka bentuk motif yang dihasilkan agar ia dapat diketengahkan kepada masyarakat. Namun begitu pengkaji juga ingin mengkaji cabaran-cabaran yang dihadapi oleh pihak pengurusan galeri didalam penjagaan warisan songket tenun Johor serta mengkaji dari segi cara penyelesaian yang diambil oleh pihak galeri tenun Johor di dalam mengatasi cabaran tersebut.

Di dalam menjalankan penyelidikan ini, pengkaji juga ingin mengetengahkan keistimewaan yang ada pada seni warisan di dalam pembuatan songket tenun Johor atau yang dikenali sebagai “Kain Benang Johor” kepada masyarakat. Namun begitu, pelbagai langkah yang strategik telah diambil oleh pengkaji untuk merangka pengkhususan yang teratur di dalam menjalankan penyelidikan ini. Oleh yang demikian, penyelidikan ini adalah merangkumi dari segi pengurusan koleksi songket tenun Johor yang di jalankan oleh pihak pengurusan galeri tenun Yayasan Warisan Johor.

1.2 Latar Belakang Kajian

Tujuan penyelidikan ini dijalankan adalah untuk mengenal pasti kaedah pengurusan koleksi tenunan songket, mengkaji cabaran dan cara penghasilan songket Tenun Johor di Galeri Tenun Yayasan Warisan Johor yang merupakan objektif pengkaji. Kain songket juga merupakan satu indentiti warisan budaya di negara Malaysia dan juga di negara-negara ASEAN. Sehubungan dengan itu, pengkaji melibatkan masyarakat luar bandar dan masyarakat bandar dalam menjalankan penyelidikan ini dan mereka adalah merupakan target pencapaian dalam penilaian yang dijalankan. Dalam menjalankan penyelidikan ini, pengkaji telah memilih lokasi penduduk luar bandar dan penduduk bandar iaitu di daerah Johor Bahru, negeri Johor.

Songket tenun mempunyai motif yang menggambar darjat seseorang individu atau kelas sosial seseorang individu di dalam pemakaiannya. Selain itu, kain songket tenun juga terbahagi kepada dua iaitu “kain songket tradisional” dan “kain songket moden” yang menggabungkan motif flora dan fauna. Secara umumnya, kain songket mempunyai makna yang tertentu dan cukup hebat. Perkara ini boleh dibuktikan melalui pemakaian atau memperagakan kain songket kerana ia dapat mewujudkan suasana yang harmoni bahkan juga ia dapat mewujudkan masyarakat yang bersatupadu. Menurut Yatim, et all, (2006), menyatakan bahawa kain songket merupakan hasil tenunan tradisional masyarakat Melayu yang sangat bernilai dan perkataan kain songket itu, mempunyai istilah yang berasal daripada perkataan Melayu iaitu “menyunkit menggunakan benang emas dan perak”.

Seterusnya, mereka juga menyatakan bahawa pada awal kewujudan songket Malaysia hanya diketuai oleh kaum wanita dan negeri yang terlibat di dalam penghasilan kain songket adalah di bahagian Pantai timur semenanjung dan di negeri Sarawak sahaja. Namun begitu, songket ini juga merupakan warisan yang berasal dari istana dan juga di hubung kaitkan dengan pemerintahan kesultanan Melayu kerana kebanyakan tenaga pengajar penenun berasal dari istana.

Di dalam penghasilan kain songket ia mempunyai perbezaan dari segi motif dan juga hiasan yang dihasilkan oleh penenun dengan mengikut kepakaran yang dimiliki. Malah motif yang dihasilkan tersebut memberi makna yang tersirat dan juga tersurat kepada si pemakai kain songket tersebut. Menurut Sila dan Budhyani (2013), mereka menyatakan bahawa keunikan songket itu disebabkan bentuk-bentuk ragam hias yang dipersembahkan pada kain tersebut dan ragam hias ini dapat memberi nilai-nilai keindahan atau nilai estetika. Selain itu juga, turut menyatakan bahawa ragam hias tersebut juga menjadi tarikan utama yang disebabkan penggunaan benang emas dan perak.

Di daerah Sumatra, Indonesia, masyarakat di sana menggunakan songket sebagai upacara ritual seperti memotong rambut dan menyembuhkan penyakit. Kaum masyarakat mereka menyatakan kain songket mempunyai keistimewaannya tersendiri dan kain songket tersebut dipanggil sebagai kain suci (Claire dan Wilbour, 2003).

“of the Ancient Peoples who produce supplementary weft cloth in handspun cotton, some of the most distinctive are the lipa songket of Manggarai Regency on Western Flores.”(Claire dan Wilbour,.2003:p 143).

Berdasarkan petikan yang dinyatakan diatas, bahawa orang purba dizaman dahulu juga telah cuba menghasilkan sejenis kain yang hampir sama dengan rekaan songket. Segala alatan bagi pembuatan kain tersebut, mereka menggunakan alam semula jadi seperti perwarna merah yang dihasilkan dari tumbuhan mengkudu, kuning dihasilkan daripada tumbuhan kunyit dan sebagainya. Perkara ini, telah menjelaskan bahawa kain songket sangat berkait rapat dengan alam semesta atau alam semula jadi iaitu flora dan fauna.

Perkataan songket juga berasal dari perkataan “disongsong dan di-teket” yang membawa maksud seperti aktiviti memproses benang timbul dengan menggabungkan bentuk-bentuk atau motif dengan turut menggabungkan benang tambahan (proses menyungkit) (Salim, 2016).

Menurut Salim (2016), beliau telah menyatakan di dalam karya penulisan jurnalnya bahawa songket itu terhasil dari serat bahan alam semula jadi (secara natural) dan corak atau motif yang diperlihatkan adalah begitu indah serta menarik, yang dihasilkan melalui teknik tenun dengan menggunakan benang emas. Seterusnya, beliau juga menyatakan bahawa songket ini melambangkan kemewahan dan menggambarkan kedudukan kelas sosial bagi si pemakai. Namun begitu, di negara Indonesia terdapat dua jenis penghasilan kain songket seperti secara tradisional iaitu menenun menggunakan tangan manakala secara morden adalah seperti songket mesin atau cetakan.

Menurut Arrosyid, A. A, et all (2016), mereka menyatakan bahawa teknik menyungkit ini adalah berasal dari negara India yang datang berdagang ke negara Indonesia dan di beberapa buah negara lagi. Seterusnya, turut menyatakan bahawa di daerah Palembang, Indonesia terdapat sebuah muzium songket yang terbesar. Muzium songket tersebut bertanggungjawab dalam menyimpan segala koleksi songket, merawat songket, mendokumentasikan, membuat pameran kepada orang awam dan menyediakan perkhidmatan kepada orang awam seperti membuka kelas menenun kepada orang awam.

Songket di negara Malaysia merupakan satu seni tradisional yang merupakan warisan turun temuruan yang perlu diwarisi dari zaman ke zaman dan mempunyai usia kewujudan yang begitu lama dari seni tradisional yang lain. Pada awalnya, songket hanya dipakai oleh golongan bangsawan seperti keluarga diraja serta kerabat diraja. Songket juga dikelaskan sebagai produk mewah kerana di dalam penghasilannya dari segi motifnya mempunyai kesulitan serta kerumitan dan perlu mempunyai sikap sabar yang tinggi di dalam pembuatannya (Ramli, 2012).

Perkataan songket memberi maksud kain tenun yang bersulam dengan benang emas atau benang perak dan maksud perkataan menyongket adalah menyulam dengan benang emas atau perak (Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka ed ke-4). Pengkaji dapat melihat bahawa perkataan songket itu ia melibatakan benang yang ditenun atau diselang selikan sehingga menjadi kain dan ia melibatkan kaum wanita untuk menenunnya.

Galeri Tenun Yayasan Warisan Johor adalah sebuah agensi yang bertanggungjawab dalam pemeliharaan serta pemuliharaan kain songket Tenun Johor. Selain itu, mewujudkan bengkel tenun bagi tujuan pembelajaran, mencari tenaga pengajar mahir dan mempromosikan kepada generasi muda.

Pada tahun 2013, Yayasan Warisan Johor telah menjalankan penyelidikan mengenai sejarah tenunan Johor bagi mendapatkan hasil motif serta corak khusus bagi melambangkan kepelbagaian di Johor. Di Galeri Tenun Johor tersebut, terdapat beberapa rekaan yang terkini dan akan dipatenkan untuk menjadikan warisan negeri Johor seperti songket Johor Jauhar dan Medini untuk Sultan Johor, Songket Johor Maharani Khas bagi Pemaisuri, Songket Tunku Mahkota Johor, Tenun Johor Tanjung Piai dan Tenun Johor Bercorak renek bagi rakyat. Seterusnya, bagi pengunjung yang mengunjungi Galeri Tenun Johor akan memperolehi maklumat mengenai sejarah tenun johor yang pernah wujud di Johor sekitar tahun 1960an dan dapat melihat 10 jenis koleksi songket Johor serta tenunan corak Muar serta koleksi busana Johor.

Oleh itu, tujuan pengkaji menjalankan penyelidikan ini adalah untuk mendapatkan maklumat berkaitan warisan budaya negeri Johor iaitu songket Tenun Johor. Pengkaji berharap agar ia dapat mengetengahkan kaedah pengurusan koleksi songket dan menjadi sumber rujukan untuk pengkaji seterusnya.

1.3 Pernyataan Masalah

Kaedah pemeliharaan dan pemuliharaan adalah sangat penting dan ia perlu dijalankan bagi tujuan melestarikan keunikan koleksinya. Pengkaji juga melihat bahawa kepentingan dalam mengkaji kaedah pengurusan koleksi songket Tenun Johor adalah sangat penting kerana ia merupakan salah satu warisan negeri Johor yang perlu dijaga dengan baik, agar ia boleh diwarisi oleh generasi yang baru. Selain itu, kaedah pengurusan yang perlu diselidik oleh pengkaji adalah dalam pengurusan pemasaran yang dijalankan oleh Galeri Tenun Yayasan Warisan Johor. Hal ini bertujuan, bagi mendapatkan data pengkomersialan atau mempromosikan songket Tenun Johor. Justeru itu, pengkaji mendapati bahawa dalam mempromosikan songket tenun Johor kurang mendapat sambutan oleh masyarakat negeri Johor.

Oleh yang demikian, kaedah pengurusan koleksi songket Tenun Johor perlu diketengahkan serta dititikberatkan agar ia boleh mendapat sambutan masyarakat khususnya di negeri Johor. Begitu juga dengan kelemahan dalam mempromosikan songket Tenun Johor seperti kurang dalam mengadakan pameran songket, bengkel tenunan, kempen, dan lain-lain lagi, bagi membuka mata masyarakat serta kepekaan mengenai kepentingan dalam menjaga budaya warisan songket Tenun Johor.

Dalam menjalankan penyelidikan ini, pengkaji mendapati bahawa koleksi-koleksi songket tenun di Galeri tenun tersebut tidak diketahui oleh masyarakat khususnya masyarakat luar bandar. Perkara ini juga telah menyebabkan, ilmu teknik pembuatan kain songket serta sejarah kewujudan songket semakin terjejas atau pupus.

Di era permodenan ini, pengkaji melihat bahawa songket Tenun Johor adalah merupakan satu warisan negeri Johor yang sangat penting. Pengkaji mendapati bahawa kemajuan sistem teknologi telah banyak mempengaruhi dengan memberi impak negatif dalam perkembangan penghasilan songket Tenun Johor. Terdapat kaedah atau cara dalam penghasilan tenunan songket yang begitu penting serta unik dan ia menyebabkan pengkaji tertarik serta ingin menyelidik perkara tersebut agar ia dapat diketengahkan kepada masyarakat Malaysia khususnya di negeri Johor. Pengkaji juga mendapati bahawa terdapat bengkel tenunan songket yang diwujudkan di Yayasan Warisan Johor tetapi mempunyai kekurangan tenaga pengajar yang mahir bagi mengekalkan keaslian songket tersebut dan menghadapi kos perbelanjaan yang tinggi dalam menyediakan segala kelengkapan seperti bahan-bahan tenunan dan alatan mesin tenunan.

Selain itu, pengkaji juga melihat bahawa dalam penghasilan songket tenun, ia melibatkan corak serta motif yang berbeza dan unik. Namun begitu, pengkaji mendapati bahawa terdapat juga penghasilan motif atau corak reka bentuk yang ada pada songket hampir kesemuanya sama sahaja. Justeru itu, dari segi penggunaan Hak cipta (*patern*) terhadap reka bentuk songket adalah sangat penting agar ia boleh menjadi perlindungan serta pemuliharaan kepada pereka penenun tempatan dan juga pihak galeri tenun.

Oleh itu, isu-isu penyelidikan ini adalah mengenai pengurusan koleksi tenun songket, jenis-jenis koleksi kraftangan songket, cabaran dan kaedah penyelesaian yang dilakukan oleh pihak pengurus untuk menjayakan koleksi tersebut dalam bidang pasaran ekonomi dalam serta luar negara.

1.4 Objektif Kajian :

Sesuatu penyelidikan yang dijalankan perlulah mempunyai tujuan atau objektif. Objektif penyelidikan ini adalah sangat penting kerana ia berfungsi sebagai suatu rangka rujuk bagi memastikan pelaksanaan penyelidikan ini berjalan dengan lancar dan sistematik. Penyelidikan ini mempunyai beberapa objektif yang ingin dicapai oleh pengkaji. Berikut adalah objektif kajian :

1. Mengenal pasti kaedah pengurusan koleksi tenunan songket yang dijalankan di Galeri Tenun Johor Yayasan Warisan Johor.
2. Meneliti jenis-jenis koleksi songket yang terdapat di Galeri Tenun tersebut.
3. Mengkaji cabaran dan cara penyelesaian yang dilakukan oleh pihak Galeri Tenun Johor.

1.5 Kepentingan Kajian

Kepentingan kajian ini dijalankan adalah bertujuan untuk mengetengahkan kepentingan seni warisan budaya iaitu kain songket Tenun Johor kepada masyarakat dan bertujuan untuk mencapai objektif kajian iaitu mengenal pasti kaedah pengurusan koleksi tenunan songket, meneliti jenis-jenis koleksi songket, mengkaji cabaran dan cara penyelesaian songket Tenun Johor.

Seterusnya, kain songket tenun Johor juga boleh dijadikan sebagai pendapatan yang boleh memberi keuntungan dan ia juga membuka kepada peluang pekerjaan. Hal ini demikian kerana kain songket mempunyai nilai yang sangat tinggi dan ia boleh dikomersialkan atau diperdagangkan ke negara ASEAN atau antrabangsa. Di dalam keratan akhbar *Kosmo online* Julai 2017 yang bertajuk “Angkat martabat songket ASEAN” telah melaporkan mengenai seseorang usahawan kain songket yang merupakan warisan turun temurun dari keluarga, mampu di komersialkan ke negara ASEAN. Beliau juga banyak memperolehi anugerah seperti Anugerah Diraja pada tahun 2017 dan Anugerah Pertubuhan Pendidikan, Kebudayaan dan Saintifik Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu pada tahun 2012.

Selain itu, songket Tenun Johor merupakan warisan budaya yang perlu diwarisi oleh generasi baru agar ia tidak pupus semasa peredaran zaman. Sorotan kesusteraan kajian ini adalah sebagai rujukan masa hadapan.

Oleh yang demikian, melalui penyelidikan ini dapat memberikan pendedahan kepada orang awam mengenai kepentingan seni warisan budaya kain songket Tenun Johor.

1.6 Soalan kajian

1. Apakah kaedah atau sistem pengurusan yang digunakan dalam penghasilan, pemeliharaan dan pemuliharaan kain songket Tenun Johor.
2. Apakah jenis-jenis koleksi songket yang terdapat di Galeri Tenun tersebut.
3. Apakah cabaran yang dihadapi dan bagaimanakah Galeri Tenun Yayasan Warisan Johor mengatasi cabaran seperti kurang mendapat sambutan oleh masyarakat setempat.

1.7 Skop Kajian

Skop kajian di dalam penyelidikan pengkaji, adalah mengenai kaedah pengurusan yang berkesan dari segi pemeliharaan dan pemuliharaan yang perlu dijalankan bagi melestarikan keunikan koleksinya. Selain itu, pengkaji ingin meneliti jenis-jenis koleksi songket, mengkaji cabaran dan cara penyelesaian yang dilakukan oleh pihak Galeri Tenun Johor. Oleh yang demikian, apabila penyelidikan ini berhasil dijalankan, segala objektif yang ditetapkan dalam penyelidikan ini oleh pengkaji mengenai sonket Tenun Johor dapat dicapai.

1.8 Kerangka kerja

Kerangka kerja merupakan satu kaedah yang diperlukan dalam merangka segala tujuan utama di dalam penyelidikan. Selain itu, ia membentuk konsep, tema, definisi dan juga teori di dalam penyelidikan ini. Tambahan pula, kerangka kerja dapat membantu penyelidik untuk mentafsir data dengan membentuk masalah dalam penyelidikan, soalan kajian, pengumpulan data dan analisis. Kerangka kerja di dalam penyelidikan ini adalah menggunakan teori pengurusan yang melibatkan sistem pengurusan dalam sesebuah organisasi seperti pengurusan koleksi songket.

1.8.1 Pengurusan

Daft (2012), beliau menyatakan bahawa konsep pengurusan adalah sangat penting dalam sesebuah carta organisasi. Perkara ini bertujuan untuk menjadikan sebuah organisasi itu sempurna dalam melaksanakan tugas, dapat menyelesaikan masalah serta dapat mencapai matlamat yang telah ditetapkan. Beliau juga menyatakan bahawa definisi pengurusan adalah proses merancang, mengorganisasi, memimpin dan mengawal segala usaha semua ahli organisasi dan menggunakan sumber organisasi untuk mencapai objektif yang telah ditetapkan dengan cekap dan berkesan. Di dalam menjalankan proses perancangan, pengurus perlu menetapkan matlamat serta membuat keputusan dan dalam menjalankan proses mengorganisasi, pengurus perlu mengorganisasi segala aktiviti yang dijalankan serta pekerja. Seterusnya, proses memimpin, pengurus perlu memotivasi, berkomunikasi dan pembangunan insaniah pekerja dan proses terakhir ialah pengurus perlu mengawal prestasi organisai dan mengukur prestasi pekerja.

Selain itu, beliau juga menyatakan bahawa pemasaran adalah aktiviti mengkomersialkan yang melibatkan produk atau perkhidmatan. Perkara ini juga melibatkan pengeluaran, pelaburan dan pengeksplotan bagi tujuan untuk memperoleh keuntungan.

“A marketing manager may focus on interpersonal roles because of the important of personal contact in the process, whereas a financial manager may be more likely to emphasize decisional roles such as resource allocator and negotiator”.

Berdasarkan petikan yang dinyatakan diatas, bahawa proses pemasaran perlu melibatkan seorang pengurus pemasaran yang cekap dan memiliki peranan interpersonal kerana ia memerlukan hubungan peribadi dalam proses tersebut dan bertujuan untuk memastikan keuntungan yang diperolehi dari hasil aktiviti yang dijalankan. Pengkaji melihat bahawa perkara tersebut adalah sangat penting dan ia berkait rapat dengan pengurusan koleksi songket yang diselidik kerana ia juga melibatkan proses mengkomersialkan songket ke peringkat yang lebih tinggi seperti antarabangsa. Peringkat ini adalah sangat penting kerana ia merupakan pengukur prestasi syarikat dan ia juga melibatkan persaingan antara pesaing-pesaing luar.

Dengan adanya konsep pengurusan, ia boleh menjadikan sebuah organisasi itu teratur dan ia juga diguna pakai dalam pengurusan koleksi songket. Hal ini demikian, pengkaji ingin mengkaji pengurusan koleksi songket dari segi pemasaran, pemuliharaan dan pemeliharaan.